

## **PEMBANGUNAN INSAN DALAM MATA PELAJARAN UMUM: KAJIAN TERHADAP PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**Ruzaini Ijon\***

*Universiti Malaysia Kelantan  
ruzaini@umk.edu.my*

**Siti Fathihah binti Abd Latif**

*Universiti Malaysia Kelantan  
fathihah.al@umk.edu.my*

**Ateerah binti Abd Razak**

*Universiti Malaysia Kelantan  
ateerah@umk.edu.my*

**Azahah Abu Hassan Shaari**

*Universiti Malaysia Kelantan  
azahah.ah@umk.edu.my*

### **ABSTRAK**

Pengenalan kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) sejak 2013 di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bertujuan meningkatkan kualiti pembangunan insan dalam kalangan pelajar. Pelaksanaannya kini turut berasaskan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dalam menyokong IPT membentuk kurikulum yang bersepadu. Seajar dengan keperluan semasa, pelbagai kursus MPU baharu telah diperkenalkan pada sesi 2019/2020 seperti Falsafah dan Isu Semasa serta Penghayatan Etika dan Peradaban sekaligus merencanakan lagi pelaksanaan MPU di universiti. Lanjutan penerapan kaedah pembelajaran teradun yang menggabungkan kelas berbentuk fizikal dengan dalam talian, pandemik COVID-19 telah mendorong Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya termasuklah kursus MPU pada tahun 2019. Justeru, penilaian terhadap keberkesanan PdP bagi MPU perlu dilakukan bagi mengenal pasti strategi dalam menambah baik penyampaian dan hasil PdP sama ada dalam talian atau PdP secara fizikal. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti sama ada tahap pembangunan insan dapat dicapai melalui kursus MPU di IPT. Kajian ini menggunakan kaedah *mixed-method*. Bagi kaedah kuantitatif, soal selidik diedarkan kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Manakala bagi kajian kualitatif pula, kajian melibatkan perbincangan fokus kumpulan. Terdapat tiga tema terhasil daripada kajian kualitatif, iaitu reaksi positif berkaitan dengan pelaksanaan MPU dan MPU berjaya membentuk keperibadian pelajar ke arah yang lebih baik. Selain itu juga, beberapa strategi dapat dilakukan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dalam talian misalnya penekanan aspek psikologi dan hubungan sosial antara pendidik dan pelajar di samping kepelbagaian penggunaan medium penyampaian berbentuk interaktif sepanjang pengkuliah. Kajian ini juga menyimpulkan bahawa MPU wajar diteruskan pada masa akan datang. Kajian berkala perlu dilakukan bagi memastikan kualiti PdP dapat ditambah baik dari masa ke masa.

**Kata Kunci:** *Keberkesanan, Mata Pelajaran Umum, Pembangunan Insan, Pengajaran dan Pembelajaran, Strategi.*

## **PENGENALAN**

Penekanan kepada pembangunan modal insan meliputi aspek kemahiran insaniah, bahasa dan nilai murni pelajar di institusi pendidikan tinggi merupakan satu pengadaptasian kesan daripada permintaan industri yang menyediakan peluang pekerjaan kepada para graduan. Bagi pihak industri, pembangunan insan antara aspek penting yang dinilai selain pencapaian pendidikan (Chan, 2010; Green et al., 2009; Horsburgh, 1999; Jones & Kahn, 2017). Justeru, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bukan sahaja diharapkan mampu melahirkan para graduan yang cemerlang dalam bidang pengajian yang dipilih malahan turut dilengkapi dengan pelbagai aspek pembangunan modal insan sebagai persiapan memasuki alam pekerjaan.

Pembangunan insan merujuk proses pembentukan dan pendidikan yang bertujuan melahirkan manusia yang berkeupayaan membangunkan seluruh potensi diri dan setiap bakat serta kebolehan yang tersembunyi di dalam diri seseorang (Saharia, 2015). Menurut Kamarul Azmi (2016), proses pembangunan insan menurut perspektif Islam meletakkan aspek material dan kerohanian sebagai tumpuan dalam pengembangan potensi manusia. Pembangunan material itu sendiri perlu terhasil melalui wadah kerohanian yang disifatkan sebagai pembangunan insan yang tulen. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) secara jelas mengetengahkan bahawa pembangunan insan melalui pendidikan negara haruslah meliputi transformasi dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan aspek intelektual (Saharia, 2015). Pada peringkat global, tiada ketetapan mengenai jenis-jenis kemahiran insaniah. Bahkan model serta terma yang merujuk kemahiran insaniah juga adalah pelbagai dan berbeza mengikut negara-negara. Hal ini demikian disebabkan oleh penilaian serta takrifan kemahiran insaniah itu sendiri adalah mengikut konteks sesebuah negara ditambah lagi dengan proses semakan dan interpretasi semula dari semasa ke semasa (Expert Group on Future Skills Needs, 2006).

Dalam konteks yang lebih luas, keperluan kepada pencapaian akademik serta pembangunan insan pelajar sejajar dengan penerapan FPK yang terpakai kepada semua peringkat pendidikan di Malaysia. Individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani hasil daripada pendidikan negara ini pula diharapkan mampu mencapai kesejahteraan diri sehingga mampu menyumbang kepada keharmonian keluarga, masyarakat dan negara. Bagi merealisasikan hasrat FPK dan Rukun Negara, kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) diperkenalkan di setiap pusat pengajian tinggi awam dan swasta (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Penawaran kursus MPU ini asasnya bagi menyediakan pelajar dalam kehidupan masyarakat moden. Penerapan nilai murni sebagai individu dan anggota masyarakat, kemahiran insaniah dan kemahiran bahasa menjadi antara ilmu penting yang terangkum dalam kursus.

Kajian oleh Abd Rashid (2015), Hamidah et al. (2011), Ng dan Iswadi (2017), Nurul Farhanah (2019) dan Noor Aziera et al. (2020) merumuskan penawaran kursus MPU memberi impak positif kepada pembangunan insan para pelajar dan relevan untuk pelajar. Namun, kajian-kajian lepas ini hanya menyentuh mengenai kursus MPU secara umum sementelah kursus MPU terbahagi kepada empat kelompok iaitu U1 sehingga U4. Perubahan kursus MPU U1 susulan pengenalan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) serta Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP) menggantikan TITAS dan Hubungan Etnik memerlukan satu penelitian yang baharu. Keperluan kepada kajian keberkesanan ini diusulkan misalnya oleh Noor Syahida Md Soh & Huzaimah Ismail (2021) yang berpandangan kecenderungan kajian-kajian lepas mengenai pelaksanaan kursus MPU di institusi pengajian secara konseptual. Kajian keberkesanan dari perspektif pelajar perlu dilaksanakan bagi mendapatkan gambaran secara holistik mengenai pembangunan kursus MPU. Keperluan kepada kajian baharu ini juga sejajar dengan pembelajaran atas talian ekoran pandemik COVID-19 mengubah struktur pembelajaran kursus MPU di institusi pengajian tinggi.

Kajian ini bertujuan meneliti persepsi pelajar terhadap kursus FIS dan PEP, impak pengajaran kursus-kursus tersebut terhadap pembangunan insan pelajar serta strategi-strategi baharu bagi memperkukuhkan keberkesanan kursus MPU. Kaedah kajian yang diguna pakai ialah kaedah kuantitatif melalui soal selidik dan juga kualitatif secara perbincangan kumpulan fokus dalam kalangan pelajar pengajian tinggi awam. Kajian ini mendapati reaksi positif pelajar terhadap kursus MPU serta impak terhadap pembangunan diri pelajar. Justeru, pelaksanaan kursus MPU wajar diteruskan bagi menyokong hasrat yang ingin dicapai dalam FPK iaitu melahirkan individu yang bersepadu dan seimbang dalam aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Kursus MPU dan Kualiti Graduan IPTA dan IPTS Malaysia**

Kursus MPU ini mula diwajibkan kepada semua institusi pengajian tinggi bermula pada semester pertama 2013/2014. Kursus wajib universiti seperti Hubungan Etnik dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dahulunya hanya ditawarkan di IPTA dan IPTS. Kursus MPU yang diperkenalkan oleh KPT telah dibahagikan kepada empat kelompok iaitu U1: penghayatan falsafah, nilai dan sejarah, U2: penguasaan kemahiran insaniah, U3: perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia dan U4: kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Secara kronologi, antara kursus yang terlebih dahulu diperkenalkan adalah Tamadun Islam dan Tamadun Asia Tenggara (TITAS) dan juga Hubungan Etnik (HE).

Kajian telah dilaksanakan bagi meneliti keberkesanan kursus MPU di universiti-universiti awam dan swasta, termasuk oleh Zarina et al. (2010) dan mendapati bahawa kemahiran personaliti serta pengetahuan pelajar meningkat setelah mengikuti kursus MPU. Faridah Che Husain dan Fakhroladabi (2012) menghujahkan hubung kait antara pembentukan hati budi yang diterap secara tidak langsung dalam pengajian kursus TITAS mendidik akhlak dan moral pelajar. Pandangan tersebut dipersetujui oleh Abd. Rashid (2015) melalui kajian terhadap kursus TITAS di IPTS yang berlatarbelakangkan pelajar jurusan kejuruteraan teknologi berminat dan mempunyai persepsi positif terhadap kursus MPU. Beliau mencadangkan kaedah *student centered learning* dan penggunaan *e-learning* sebagai antara aspek pengajaran yang perlu diberi perhatian oleh pengajar kursus MPU. Kajian oleh Nor Azlina Endut et al. (2019) juga menunjukkan bahawa MPU mendidik pelajar supaya memiliki karakter yang baik dan prihatin dengan isu semasa. Kajian oleh Suzy Aziziyana Saili et al. (2018) menyokong keperluan memberikan platform untuk interaksi sosial pelajar pelbagai latar belakang. Pengkaji-pengkaji ini mengusulkan perlunya dialog antara etnik untuk meningkatkan hubungan sosial dalam kalangan pelajar. Bahkan kursus MPU boleh menjadi platform bagi meningkatkan lagi interaksi antara pelajar daripada pelbagai latar belakang. Hal ini berikutan struktur kursus MPU yang dilihat mampu untuk melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

Selain itu, antara matlamat diperkenalkan MPU adalah supaya pelajar dapat menanam nilai-nilai murni yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka. MPU juga dapat diperkenalkan untuk menyelaraskan Mata Pelajaran Wajib (MPW) kepada MPU yang terdapat di IPT untuk memastikan kualiti yang baik yang dapat membantu ke arah pembinaan negara bangsa dan juga amalan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa (Ng & Iswandi, 2017).

Kajian oleh Roselina (2009), Shahrudin et al. (2010) menghujahkan keperluan kepada penelitian berterusan daripada pihak berwajib mengenai aspek kemahiran insaniah pelajar. Fairuzza et al. (2011) berpandangan kemahiran insaniah menjadi antara elemen yang sangat dititikberatkan oleh bakal majikan. Kegagalan menonjolkan elemen tersebut membawa kepada kesukaran graduan IPTA dan IPTS bagi mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Kajian oleh Shahrudin et al. (2010) misalnya mendapati kemahiran pengurusan (*management skill*) serta pengantarabangsaan (*globalization*) dalam kalangan pelajar di IPTA berada pada tahap yang rendah justeru memerlukan penelitian semula oleh pelbagai pihak universiti dalam merangka pembangunan kurikulum pelajar.